

Praktis 8 Drama Tenang-tenang Air di Tasik

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah ini.

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

AZIZI: Tapi, sekali fikir, abang rasa anehlah, Zafar.

MUZAFAR: Apa yang anehnya, bang?

AZIZI: Mak Zafar bukan calang-calang wanita di bandar kita ini. Dia *amat disegani* walaupun sudah bersara daripada tugasnya sebagai pegawai. Dia pemimpin wanita yang unggul. Dia disanjung kerana berfikiran terbuka dan berpandangan jauh. Tapi, dalam hal ini, dia berpendirian macam wanita kolot pula ... pelikkan?

MUZAFAR: (*Sambil mengeluh*) Entahlah, bang. Serba salah saya jadinya. Saya memang bersedia untuk mencurahkan ilmu dan kemahiran berkayak yang ada pada saya kepada semua orang tak kira sama ada orang itu normal atau cacat. Tapi, apabila mengenangkan pandangan sayu mak sewaktu saya berangkat pagi tadi ... (*Sebak.*)

AZIZI: Dahlah itu, Zafar. Mak Zafar tu sebenarnya terlalu sayang kepada Zafar. Zafar anak tunggalnya. Zafar merupakan harta yang paling bermakna yang ditinggalkan oleh arwah bapa Zafar untuknya. Dia takut jadi apa-apa yang tak baik. Dia takut kehilangan Zafar.

MUZAFAR: Betul ke emak saya berkelakuan macam itu sebab dia terlalu sayang akan saya? Entah-entah, ada sesuatu tersembunyi di sebalik keganjilan perangai mak saya itu.

Dipetik daripada drama “Tenang-tenang Air di Laut”,
antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- 1 Berdasarkan petikan, rangkai kata *amat disegani* bermaksud

A agak dikagumi. C cukup disayangi.
B sangat dihormati. D sungguh disukai.

Mentafsir Aros R

- 2 Entah-entah, ada sesuatu tersembunyi di sebalik keganjilan perangai mak saya itu.

Nyatakan kata-kata hikmat yang sesuai dengan pernyataan di atas.

A Lain di mulut lain di hati
B Rumah sudah, pahat berbunyi
C Tanam lalang, tak akan tumbuh padi
D Kalau tak ada angin masakan pokok bergoyang

Mentafsir Aros R

- 3 dia berpendirian macam wanita kolot pula ...

Apakah unsur gaya bahasa yang digunakan dalam petikan di atas?

A Simile C Metafora
B Sinkope D Hiperbola

Memahami, Menganalisis Aros S

- 4 Menurut Azizi, satu daripada sebab Emak Muzafar terlalu sayang akan Muzafar ialah

A Muzafar anak bongsunya.
B Muzafar harta yang paling bermakna yang ditinggalkan oleh arwah bapa Muzafar untuknya.
C Dia yakin akan terjadi apa-apa yang tidak baik terhadap Muzafar.
D Dia pernah kehilangan Muzafar.

Memahami, Menganalisis Aros S

- 5 Pernyataan berikut **benar** berdasarkan petikan **kecuali**

A Emak Muzafar pemimpin wanita yang unggul.
B Emak Muzafar sudah bersara daripada tugasnya sebagai pegawai.
C Emak Muzafar disanjung kerana berfikiran terbuka dan berpandangan jauh.
D Muzafar bersedia untuk mencurahkan ilmu dan kemahiran berkayak yang ada padanya kepada orang normal sahaja.

Menganalisis, Menyusun Aros T